

Hospital Besut terima doktor pakar

Unisza setuju hantar pakar perubatan dalam bidang kanak-kanak dan ibu bersalin

BESUT - Hospital Daerah Besut (HDB) bakal mempunyai doktor pakar sebelum akhir tahun ini hasil kerjasama dengan Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza).

Timbalan Pengarah Kesihatan (Perubatan) Terengganu, Dr Mohamad Omar berkata, Unisza bersejua menghantar pakar perubatan khususnya dalam bidang kanak-kanak (Pediatrik) dan ibu bersalin sesuai dengan kemudahan yang terdapat di hospital berkenaan.

Menurutnya, hasil kerja-

sama dengan universiti itu bakal memberi kemudahan kepada masyarakat di daerah ini khususnya berkaitan masalah kesihatan kanak-kanak dan ibu bersalin.

"Jabatan dan Unisza berusaha memastikan doktor pakar tersebut ditempatkan di HDB sebelum akhir tahun atau secepat mungkin yang boleh," katanya kepada media selepas merasmikan Karnival Kesihatan HDB 2014 di pekarangan hospital berkenaan, di sini, semalam.

Hadir sama, Pengarah HDB, Dr Dr Azmaliza Abd Rahman dan Lembaga Pelawat Hospital.

Dr Mohamad berkata, HDB yang dilengkapi dewan bedah serba lengkap itu sudah lama dirancang untuk dinaikkan taraf sebagai hospital berpakar tetapi usaha itu ter-

tangguh kerana kekurangan doktor pakar.

Katanya, bagi mengatasi kekurangan itu, pihaknya meminta lebih ramai doktor yang berkhidmat di hospital agar menyambung pelajaran dalam bidang kepakaran masing-masing supaya usaha menaik taraf hospital daerah sebagai hospital yang mempunyai doktor pakar tercapai.

Terdahulu ketika berucap pada karnival kesihatan sebelum ini, Dr Mohamad meminta penduduk Terengganu meningkatkan kesedaran masing-masing terhadap penjagaan kesihatan sesuai dengan usaha menjadikan negara maju pada 2020.

Katanya, rakyat perlu tahu menjaga dan mengekalkan kesihatan dengan selalu membuat pemeriksaan kesihatan melalui usaha sendiri dan



Dr Mohamad (dua kiri) mencuba sendiri memasukkan alat bantuan pernafasan pada model ketika melawat pameran sempena Karnival Kesihatan HDB, dekat Jertih, semalam.

bukannya kerana dipaksa.

Beliau turut memberi peringatan kepada kakitangan hospital dan mana-mana pusat kesihatan di negeri ini agar memberi perkhidmatan ter-

baik kepada pelanggan.

"Sekiranya ada pesakit datang untuk mendapat rawatan, cuba dekati dan tanya mereka walaupun ramai pesakit sedang dirawat.

"Orang ramai boleh membuat laporan kepada kami sekiranya ada kakitangan yang memberikan perkhidmatan tidak memuaskan," katanya.



JOM SOLAT

BESUT/SETIU

SUBUH	5:37
SYURUK	6:55
ZOHOR	12:56
ASAR	4:16
MAGHRIB	6:52
ISYAK	8:03